



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
*Office of the Director General of Education Malaysia*  
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA  
Level 7 Block J Damansara Town Centre  
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900  
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld.XVI (7)  
14 Mac 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 7/2000:  
Mencegah Kebakaran Di Sekolah**

Kementerian Pendidikan memandang serius terhadap peningkatan kes kebakaran yang berlaku di sekolah sejak akhir-akhir ini. Berdasarkan statistik dan Jabatan Bomba dan Penyelamat yang bertarikh 31 Januari 2000, didapati bilangan kes kebakaran yang melibatkan sekolah telah meningkat dan antara punca kebakaran tersebut ialah **litar pintas** (*short circuit*) dan **perbuatan vandalisme** (*vandalism*) oleh murid-murid sekolah. Jika hal ini tidak ditangani dengan bersungguh-sungguh, kes-kes kebakaran sekolah akan bertambah serius dan boleh mengakibatkan kerugian harta benda serta kehilangan nyawa.

2. Surat Pekeling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memperingatkan semua Pengetua dan Guru Besar supaya mengambil langkah-langkah proaktif yang sewajarnya bagi menangani masalah kes kebakaran daripada berlaku di sekolah. Bagi mengelakkan dari berlakunya kebakaran, pihak sekolah hendaklah mengambil langkah-langkah seperti yang berikut :-

- 2.1 Sentiasa bersedia dalam menghadapi bahaya kebakaran dengan membuat pemeriksaan rapi akan semua pendawaian di bangunan sekolah. Bagi sekolah-sekolah yang pendawaiannya telah melebihi jangka masa piawaian pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), sekolah perlu memohon kepada Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengantikan pendawaian tersebut dengan segera.
- 2.2 Memastikan sistem dan alat pencegahan kebakaran seperti pili bomba, pemadam api (*fire extinguisher*), dan alat pencegah kebakaran automatik/manual sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- 2.3 Mengadakan ceramah dan pameran kebombaan.
- 2.4 Mengadakan aktiviti *fire drill* di sekolah dengan melibatkan semua murid, guru-guru, dan semua kakitangan sekolah.
- 2.5 Mengadakan demonstrasi memadam kebakaran dengan menggunakan alat pemadam api (*fire extinguisher*).
- 2.6 Mengadakan Hari/Minggu Pencegahan Kebakaran di sekolah.
- 2.7 Menyediakan pelan keselamatan kebakaran di sekolah.

- 2.8 Melantik Jawatankuasa dan menubuhkan Pasukan Pencegahan Kebakaran di sekolah.
- 2.9 Lain-lain langkah yang difikirkan sesuai seperti mengadakan siri lawatan ke Balai Bomba dan menubuhkan/menambahkan bilangan ahli Kadet Bomba serta mempertingkatkan kawalan keselamatan sekolah agar tidak dicerobohi oleh orang luar, terutamanya di luar waktu sekolah.

3. Panduan bagi mengatasi masalah tersebut telahpun dinyatakan dalam pekeliling yang telah diedarkan ke sekolah-sekolah sebelum ini, iaitu:

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1978  
Kawad Kecemasan Kebakaran di sekolah.
- 3.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1989  
Garis Panduan Dan Segi Pencegahan Kebakaran Bagi Bangunan Dormitori Dan Asrama.

4. Sila maklumkan kandungan pekeliling ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar di negeri Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan untuk tindakan susulan.

Sekian. Terima Kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad  
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan
3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan
4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir  
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
9. Ketua Nazir Sekolah
10. Pegawai Perhubungan Awam